

TERMA DAN SYARAT

KEMPEN "MEGA MILLION 2.0" ("KEMPEN")

1. TEMPOH KEMPEN

- a) Kempen ini bermula dari **1 November 2024 sehingga 31 Oktober 2025**.

2. KONSEP SYARIAH

- a) Konsep Syariah yang diguna pakai bagi Kempen ini adalah prinsip Hibah Mu'allaqah (Hibah Bersyarat).
- b) Berdasarkan prinsip Hibah Mu'allaqah, pihak Agrobank "Bank" akan memberikan hadiah kepada Pelanggan yang berjaya memenuhi segala Terma dan Syarat yang ditetapkan oleh pihak Bank dan dikenal pasti sebagai pemenang.

3. KELAYAKAN

- a) Kempen ini terbuka kepada **Pelanggan Baru dan Pelanggan Sedia Ada Bank**.

i. Individu:

- Warganegara Malaysia, Residen Tetap dan Bukan Warganegara yang bermastautin di Malaysia dan mempunyai pasport bersama Pas/Permit/Visa untuk tinggal di Malaysia yang sah untuk tempoh tidak kurang daripada enam (6) bulan.
- Mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah.
- Berumur 18 tahun dan ke atas.

ii. Bukan Individu:

- Entiti Perniagaan, Syarikat, Agensi Kerajaan, Koperasi, Persatuan, Pertubuhan dan Kelab.
- b) Kakitangan Agrobank **tidak layak menyertai** Kempen ini. Walau bagaimanapun, **ahli keluarga dan saudara-mara kakitangan Bank dibenarkan** menyertai Kempen ini.
- c) Bagi Akaun Bersama, hanya pemegang akaun utama layak untuk menyertai Kempen ini.
- d) Kelayakan dari segi umur dan lain-lain perkara adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat Produk.
- e) Pelanggan layak untuk menyertai Cabutan Pusingan Wilayah **berdasarkan lokaliti cawangan asal**.
- f) Pelanggan yang **masih menyimpan dalam akaun AgroPrimaS dari 1 Oktober 2023 dan akaun tersebut telah mencapai tempoh matang** serta **membuat pembaharuan secara automatik** layak menyertai Kempen ini secara automatik.
- g) Pelanggan yang layak perlu **membuka akaun, mengekalkan, dan menambah deposit dalam Tempoh Kempen** untuk mendapatkan Mata Penyertaan mengikut kategori cabutan masing-masing.

4. MEKANISME KEMPEN

a) Produk yang terlibat dalam Kempen ini adalah seperti berikut:

KATEGORI CABUTAN	PRODUK	HADIAH	TEMPOH KEMPEN
CABUTAN UTAMA Kategori Individu sahaja	Deposit AgroPrimaS kategori Individu berserta mata tambahan daripada Produk yang terlibat dalam Kempen	Ford RAPTOR x 1 pemenang	1 November 2024 – 31 Oktober 2025
CABUTAN BULANAN Kategori Individu sahaja	Deposit AgroPrimaS kategori Individu berserta mata tambahan daripada Produk yang terlibat dalam Kempen	Sebuah kereta untuk dimenangi setiap bulan • Perodua Myvi x 4 pemenang • Proton S70 x 4 pemenang • Mitsubishi Xpander x 4 pemenang	Cabutan Bulanan akan diadakan setiap bulan selama 12 bulan
CABUTAN PUSINGAN WILAYAH (Empat (4) Cabutan Pusingan)	DEPOSIT Kategori Individu sahaja • AgroPrimaS	Hadiah Wang Tunai sehingga RM352,000 x 128 pemenang	PUSINGAN 1: 1 November 2024 – 31 Januari 2025
	DEPOSIT Kategori Bukan-Individu sahaja • AgroPerdana-i PLUS • AgroPrimaS	Hadiah Wang Tunai sehingga RM240,000 x 64 pemenang.	PUSINGAN 2: 1 Februari 2025 – 30 April 2025
CABUTAN PUSINGAN KATEGORI PRODUK (Empat (4) Cabutan Pusingan)	PEMBIAYAAN: • AgroCash-i • Hartani-i	Hadiah AgroPrimaS bernilai RM2,500 x 80 pemenang	PUSINGAN 3: 1 Mei 2025 – 31 Julai 2025 PUSINGAN 4: 1 Ogos 2025 – 31 Oktober 2025
	AR RAHNU	Kepingan Emas 2.5gram x 400 pemenang	
	PENULISAN WASIAT & TAKAFUL • Takaful Kasih Plus • Agro Motor Takaful • Agro Madani • Agro Nurani • Penulisan Wasiat	Hadiah Wang Tunai sehingga RM250,000 x 100 pemenang	

b) Pelanggan dikehendaki memenuhi mana-mana kriteria berikut untuk menyertai Kempen ini:

Akaun Deposit (Cabutan Bulanan & Pusingan Wilayah)	a) Perletakan deposit minimum berjumlah RM500 (Kategori Individu) atau RM5,000 (Kategori Bukan Individu) untuk akaun AgroPrimaS . ATAU b) Baki Bulanan Purata minimum RM5,000 (Kategori Bukan Individu) untuk akaun AgroPerdana-i PLUS .
Pembiayaan • AgroCash-i • Hartani-i (Cabutan Pusingan Kategori Produk)	a) Pembiayaan AgroCash-i bermula dari RM50,000, mestilah dipohon, diluluskan dan dikeluarkan dalam pusingan yang sama . b) Pembiayaan Hartani-i bermula dari RM100,000, mestilah dipohon, diluluskan dan dikeluarkan sepanjang Tempoh Kempen . <i>(penyertaan cabutan pelanggan adalah berdasarkan tarikh pengeluaran pembiayaan)</i>
Ar Rahn (Cabutan Pusingan Kategori Produk)	Nilai Marhun bermula dari RM100, mestilah dipohon, diluluskan dan dikeluarkan dalam pusingan yang sama . <i>(penyertaan cabutan pelanggan adalah berdasarkan tarikh pengeluaran pembiayaan)</i>
Penulisan Wasiat & Takaful • Penulisan Wasiat • Takaful Kasih Plus • Agro Madani • Agro Nurani • Agro Motor Takaful (Cabutan Pusingan Kategori Produk)	a) Langganan Takaful bermula dari Pelan TKP 3 bagi Takaful Kasih Plus, Pelan Zamrud bagi Agro Madani dan Pelan Ehsan bagi Agro Nurani. . b) Langganan Motor Takaful bermula dari RM500.

Pelanggan akan memperoleh **Mata Penyertaan (MP) tambahan** dengan **tambahan / gabungan Kategori Produk (Pembiayaan, Ar-Rahn atau Penulisan Wasiat & Takaful)** bersama perletakan **produk Deposit Agro PrimaS**.

PRODUK DEPOSIT

1. Kelayakan untuk **Cabutan Utama**:

- Cabutan Utama hanya untuk produk **AgroPrimaS** di bawah **kategori Individu** sahaja.
- Walau bagaimanapun, pelanggan akan memperoleh **Mata Penyertaan (MP) tambahan** dengan **tambahan/gabungan produk** Pembiayaan atau Ar Rahnū atau Penulisan Wasiat & Takaful.
- Hanya ada seorang pemenang untuk Cabutan Utama.
- Pelanggan yang mengeluarkan dana sebelum cabutan semasa Tempoh Kempen tidak layak untuk Cabutan Utama.
- Untuk layak menerima Cabutan Utama, pelanggan haruslah mengekalkan baki terkumpul sebanyak **RM 15,000** sepanjang Tempoh Kempen.
- Mata Penyertaan (MP) untuk Cabutan Utama akan dikira dengan mendarabkan MP terkumpul daripada setiap kitaran dengan nombor urutan kitaran dalam Tempoh Kempen, berdasarkan tarikh pembukaan akaun.

Contohnya:

Pusingan 1 (4 kali ganda),
Pusingan 2 (3 kali ganda),
Pusingan 3 (2 kali ganda),
Pusingan 4 (1 kali ganda).

SITUASI 1				
Turutan Kitaran	Pusingan 1	Pusingan 2	Pusingan 3	Pusingan 4
Peletakan Deposit AgroPrimaS (RM)	-	15,000	-	-
Jumlah Terkumpul (RM)	-	15,000	-	-
MP Deposit mengikut kitaran/RM100	-	150 MP	-	-
Langganan Takaful (TKP 3)	-	3 MP	-	-
Pembiayaan AgroCash- <i>i</i> (RM 85,000)	-	-	40 MP	-
Urutan Pusingan	4	3	2	1
Kelayakan MP		$(150 \times 3) + 3$ = 453 MP	40 MP	
Jumlah Terkumpul Mata Penyertaan	453 + 40 = 493 MP			
Kelayakan	Layak untuk Cabutan Utama			

SITUASI 2				
Turutan Kitaran	Pusingan 1	Pusingan 2	Pusingan 3	Pusingan 4
Peletakan Deposit AgroPrimaS (RM)	5,000	5,000	-	5,000
Jumlah Terkumpul (RM)	5,000	10,000	10,000	15,000
MP Deposit mengikut kitaran/RM100	50 MP	50 MP	-	50 MP
Langganan Takaful (TKP 3)		3 MP		
Urutan Kitaran	4	3	2	1
Kelayakan MP	50 MP X 4 = 200 MP	(50 X 3) +3 =153 MP	-	50 MP X 1 =50 MP
Jumlah Terkumpul Mata Penyertaan	200 MP + 153 MP + 50 MP = 403 MP			
Kelayakan	Layak untuk Cabutan Utama			

(Bahagian ini dibiarkan kosong)

PRODUK DEPOSIT

2. Kelayakan untuk **Cabutan Bulanan**:

- Cabutan Bulanan hanya untuk **produk AgroPrimaS** di bawah **kategori Individu** sahaja.
- Walau bagaimanapun, pelanggan akan memperoleh **Mata Penyertaan (MP) tambahan** dengan **tambahan/gabungan produk** Pembiayaan atau Ar Rahnū dan Penulisan Wasiat & Takaful.
- Peletakan deposit **minimum berjumlah RM500** untuk melayakkan diri bagi cabutan pada bulan tersebut.
- Hanya ada seorang pemenang untuk setiap bulan (12 bulan).
- Pelanggan yang mengeluarkan dana sebelum cabutan semasa Tempoh Kempen tidak layak untuk Cabutan Bulanan.

Kategori	Produk	Mekanisme	Pengiraan Mata Penyertaan
Kategori Individu	AgroPrimaS	Peletakan deposit minimum berjumlah RM500	Satu (1) Mata Penyertaan bagi setiap RM100. Contoh: RM500 = 5 MP

SITUASI 1				
Turutan Bulanan	Bulan Pertama	Bulan Kedua	Bulan Ketiga	Bulan Keempat
Peletakan Deposit AgroPrimaS (RM)	500	500	-	-
Jumlah Terkumpul (RM)	500	1,000	1,000	1,000
MP Deposit mengikut bulan/RM100	5 MP	5 MP	-	-
Pembiayaan Ar-Rahnū (RM 55,000)	-	-	-	120 MP
Kelayakan MP	5 MP	5 MP	-	120 MP
Jumlah Terkumpul Mata Penyertaan	5 MP	10 MP	10 MP	10 + 120 = 130 MP
Kelayakan	Layak untuk Bulan Pertama	Layak untuk Bulan Ke-2	Layak untuk Bulan Ke-3	Layak untuk Bulan Ke-4

PRODUK DEPOSIT

3. Kelayakan untuk **Cabutan Pusingan**:

- Cabutan Pusingan terbahagi kepada dua kategori iaitu:
 - I. **Cabutan Pusingan Wilayah ;**
 - II. **Cabutan Pusingan mengikut kategori Produk.**
- **Cabutan Pusingan Wilayah** hanya terbuka kepada **akaun simpanan kategori Individu (AgroPrimaS)** dan **Bukan Individu (AgroPrimaS & AgroPerdana-i PLUS)**.
- Satu (1) Mata Penyertaan bagi setiap peningkatan RM 1,000 bagi Kategori Bukan Individu AgroPerdana-i PLUS.
- Baki Purata Bulanan minimum untuk bulan pertama dalam pusingan **sekurang-kurangnya RM5,000** (Bukan Individu).
- **Cabutan Pusingan mengikut kategori produk** termasuk produk **Pembiayaan** atau **Ar- Rahn** dan **Penulisan Wasiat & Takaful**.

Kategori Cabutan	Kategori/Produk	Minimum Baki Purata Bulanan	Pengiraan Mata Penyertaan
Cabutan Pusingan Wilayah	Kategori Bukan Individu • AgroPerdana-i PLUS (AP PLUS-C, AP PLUS-G, AP PLUS-S)	RM5,000 <i>(RM5,000 = 5 MP)</i>	Satu (1) Mata Penyertaan bagi setiap peningkatan RM 1,000.00 .

Baki Purata Bulanan	$\frac{\text{Jumlah Baki Terakhir Harian Dalam Setiap Bulan Tertentu}}{\text{Jumlah Hari Dalam Bulan Tertentu}}$
----------------------------	--

- **Peningkatan Baki Purata Bulanan** dikira seperti:

Peningkatan Baki Purata Bulanan	= Baki Purata Bulan Semasa – Baki Purata Bulan Sebelumnya
Pengiraan Mata Penyertaan	$= \frac{\text{Peningkatan Baki Purata Bulanan}}{\text{RM1,000}}$

SENARIO 1- CABUTAN PUSINGAN WILAYAH: AGROPERDANA- <i>i</i> PLUS (BUKAN INDIVIDU)				
Turutan Bulan	Sebelum Kempen	Bulan Pertama	Bulan Ke-2	Bulan Ke-3
Pusingan 1				
Baki Purata Bulanan (RM)	10,000	15,000	30,000	30,000
Peningkatan	-	5,000	15,000	-
Mata Penyertaan (MP) Awal (Peningkatan/ RM1000)	-	5 MP	15 MP	-
MP yang terkumpul	5 MP + 15 MP = 20 MP			
Kelayakan	Layak untuk Cabutan Pusingan Wilayah			

SENARIO 2 – CABUTAN PUSINGAN MENGIKUT PRODUK: PEMBIAYAAN , AR-RAHNU & TAKAFUL				
PELANGGAN A		Bulan Pertama	Bulan Ke-2	Bulan Ke-3
Pusingan 1				
Pembiayaan (AgroCash- <i>i</i>)	RM 55,000			X
	MP			25
Penulisan Wasiat & Takaful	TKP 3		X	
	MP		3	
Kelayakan	Layak untuk Cabutan Pusingan bagi produk Pembiayaan & Takaful			

PRODUK PEMBIAYAAN AGROCASH-*i* & HARTANI-*i*

1. Kelayakan untuk **Cabutan Pusingan**:

I. AgroCash-*i*

- Terbuka kepada semua pelanggan baru dan sedia ada Bank.
- Kelayakan permohonan AgroCash-*i* adalah seperti pautan maklumat produk berikut: <https://www.agrobank.com.my/my/product/agrocash/>
- Pembiayaan mestilah **dipohon, diluluskan dan dikeluarkan dalam pusingan yang sama** (penyertaan cabutan pelanggan adalah berdasarkan tarikh pengeluaran pembiayaan).
- Akaun pelanggan mestilah dalam status aktif sepanjang Tempoh Kempen.
- Jumlah pembiayaan minimum **RM 50,000**.
- Tidak mempunyai sebarang baki tertunggak atas mana-mana akaun pembiayaan Agrobank.
- Pelanggan sedia ada perlu membuat permohonan pembiayaan yang baru.
- Permohonan pembiayaan bertindih tidak diambil kira bagi Kempen ini.
- Penyertaan pelanggan akan terbatal sekiranya pembiayaan ditamatkan dalam Tempoh Kempen.
- Mata penyertaan adalah berdasarkan kepada **jumlah pembiayaan**.

2. Pengiraan Mata Penyertaan untuk AgroCash-*i*:

Produk	Amaun Pembiayaan (RM)	Mata Penyertaan (MP)
AgroCash-<i>i</i>	50,000 – 59,999	25
	60,000 – 69,999	30
	70,000 – 79,999	35
	80,000 – 89,999	40
	90,000 – 99,999	45
	100,000 dan ke atas	50 (had maksimum)

II. Hartani-i

- Terbuka kepada semua pelanggan baru dan sedia ada Bank.
- Kelayakan permohonan Hartani-i adalah seperti pautan maklumat produk berikut;
<https://www.agrobank.com.my/my/product/hartani-i-tawarruq/>
- Pembiayaan mestilah **dipohon, diluluskan dan dikeluarkan sepanjang Tempoh Kempen** (penyertaan cabutan pelanggan adalah berdasarkan tarikh pengeluaran pembiayaan).
- Akaun pelanggan mestilah dalam status aktif sepanjang Tempoh Kempen.
- Jumlah pembiayaan minimum **RM100,000**.
- Tidak mempunyai sebarang baki tertunggak atas mana-mana akaun pembiayaan Agrobank.
- Penyertaan pelanggan akan terbatal sekiranya pembiayaan ditamatkan sepanjang Tempoh Kempen.
- Mata penyertaan adalah berdasarkan kepada **jumlah pembiayaan**.

3. Pengiraan Mata Penyertaan untuk Hartani-i

Produk	Amaun Pembiayaan (RM)	Mata Penyertaan (MP)
Hartani-i	100,000 – 199,999	50
	200,000 – 299,999	100
	300,000 – 399,999	150
	400,000 – 499,999	200
	500,000 – 599,999	250
	600,000 – 699,999	300
	700,000 – 799,999	350
	800,000 – 899,999	400
	900,000 – 999,999	450
	1,000,000 dan ke atas	500 (had maksimum)

PRODUK AR-RAHNU

1. Kelayakan untuk Cabutan Pusingan:

- Terbuka kepada semua pelanggan baru dan sedia ada Bank.
- Kelayakan permohonan Ar-Rahnu adalah seperti pautan maklumat produk berikut: <https://www.agrobank.com.my/my/product/ar-rahnu/>
- Pelanggan perlu **mencagar emas melalui pembiayaan Ar-Rahnu** dengan Bank dan **kekalkan pembiayaan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan**. (penyertaan cabutan pelanggan adalah berdasarkan tarikh pengeluaran pembiayaan).
- Akaun pelanggan mestilah dalam status aktif sepanjang Tempoh Kempen.
- Jumlah Nilai Marhun minimum **RM100**.
- Tidak mempunyai sebarang baki tertunggak atas mana-mana akaun pembiayaan Agrobank.
- Pelanggan perlu membayar Kadar Keuntungan Bersesuaian untuk setiap akaun.
- Pelanggan yang sudah mempunyai Pembiayaan Ar-Rahnu dari 1 September 2024 dan menepati syarat, layak untuk menyertai kempen ini secara automatik.
- Pelanggan mesti membuka dan / atau melanjutkan Tempoh Pembiayaan Ar-Rahnu yang telah matang bagi kelayakan untuk menyertai Kempen.
- Pelanggan yang menebus sepenuhnya atau sebahagian emas sebelum membayar Kadar Keuntungan Bersesuaian sekurang-kurangnya tiga (3) bulan tidak layak untuk menyertai Kempen.
- Akaun *Non-Performing Financing (NPF)* tidak layak untuk menyertai Kempen.
- Mata penyertaan adalah berdasarkan kepada **Nilai Marhun**.

2. Pengiraan Mata Penyertaan untuk Ar-Rahnu

Produk	Nilai Marhun (RM)	Mata Penyertaan (MP)
Ar-Rahnu	100 – 9,999	10
	10,000 – 19,999	20
	20,000 – 29,999	40
	30,000 – 39,999	60
	40,000 – 49,999	80
	50,000 – 59,999	100
	60,000 – 69,999	120
	70,000 – 79,999	140
	80,000 – 89,999	160
	90,000 – 99,999	180
	100,000 dan ke atas	250 (had maksimum)

PRODUK PENULISAN WASIAT DAN TAKAFUL

1. Kelayakan untuk **Cabutan Pusingan**:

- Terbuka kepada semua pelanggan baru dan sedia ada Bank.
- Kelayakan langganan produk Penulisan Wasiat dan Takaful adalah seperti pautan maklumat produk berikut:

Produk	Maklumat Produk
Penulisan Wasiat	https://www.agrobank.com.my/my/product/surat-wasiat/
Takaful Kasih Plus	https://www.agrobank.com.my/my/product/takaful/
Agro Madani	https://www.agrobank.com.my/my/product/agro-madani/
Agro Nurani	https://www.agrobank.com.my/my/product/agro-nurani/
Takaful Agro Motor	https://www.agrobank.com.my/my/product/takaful-agro-motor/

2. Pengiraan Mata Penyertaan untuk produk **Penulisan Wasiat**

Jumlah Amaun Yang Perlu Dibayar	Mata Penyertaan (MP)
RM500	30

3. Pengiraan Mata Penyertaan untuk produk **Takaful**

Produk	Pelan	Jumlah Transaksi (RM)	Mata Penyertaan (MP)
Takaful Kasih Plus	TKP 3	54.00	3
	TKP 4	108.00	6
	TKP 5	216.00	12
	TKP 6	324.00	24
Agro Madani	Zamrud	61.20	2
	Emas	152.85	4
	Berlian	244.55	6
Agro Nurani	Ehsan	56.10	2
	Amal	86.60	4
	Azim	132.45	6

4. Pengiraan Mata Penyertaan untuk produk **Takaful Agro Motor**

Jumlah Amaun Yang Perlu Dibayar	Mata Penyertaan (MP)
RM 500	10
Tambahan sepuluh (10) Mata Penyertaan bagi setiap kenaikan RM100	

5. PEMILIHAN DAN MAKLUMAN PEMENANG

- a) Pelanggan hendaklah **memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak Bank** untuk melayakkan diri menyertai Kempen ini.
- b) **Pemilihan pemenang akan dijalankan berdasarkan kaedah Cabutan.** Tarikh dan lokasi akan dimaklumkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa. Kaedah Cabutan elektronik akan digunakan bagi proses pemilihan di mana ianya akan dipantau oleh pihak Bank. Sebarang rayuan, bantahan atau pertanyaan daripada Pelanggan tidak akan dilayan.
- c) Pemenang yang **telah memenangi hadiah Cabutan Bulanan tidak layak untuk memenangi hadiah Cabutan Bulanan yang lain.** Walau bagaimanapun, pemenang tersebut masih berpeluang untuk memenangi hadiah Cabutan Pusingan dan Cabutan Utama.
- d) **Nama Pemenang akan diumumkan melalui laman sesawang rasmi Bank di www.agrobank.com.my.** Pemenang akan dihubungi oleh pihak Bank menggunakan maklumat terkini yang telah diberikan kepada pihak Bank. Sekiranya pemenang tersebut tidak dapat dihubungi kerana informasi yang telah diberikan adalah salah, hadiah tersebut akan diberikan kepada pemenang simpanan.
- e) Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan bersetuju untuk membenarkan Bank untuk menggunakan, memaparkan atau menerbitkan nama, gambar dan/atau lain-lain maklumat berkaitan pemenang bagi tujuan publisiti dan pengiklanan. Pelanggan perlu menghubungi pihak Bank sekiranya ingin menarik balik mana-mana kebenaran yang telah diberikan. Pelanggan dinasihatkan untuk merujuk kepada Notis Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dengan melayari laman rasmi Bank di www.agrobank.com.my

6. HADIAH KEMPEN DAN TUNTUTAN HADIAH

- a) Senarai hadiah Kempen yang ditawarkan kepada Pelanggan untuk dimenangi bagi Cabutan Bertuah boleh dirujuk pada **muka surat 2**. Hadiah yang ditawarkan dalam Kempen ini adalah **tertakluk kepada ketersediaan stok**.
- b) Para pemenang akan **dihubungi oleh pihak Bank melalui panggilan telefon sekurang-kurangnya tiga (3) kali** panggilan bagi memastikan Pelanggan dapat dihubungi untuk memaklumkan sebagai pemenang. Sekiranya Pelanggan tidak dapat dihubungi walaupun panggilan telah dibuat, pihak Bank berhak untuk menawarkan hadiah tersebut kepada Pemenang Simpanan.
- c) Untuk Cabutan Bulanan, **pemilihan hadiah akan dilakukan melalui 'Lucky Draw Box/Wheel of Fortune' oleh pemenang** semasa majlis pemilihan hadiah. Proses pemilihan hadiah adalah seperti berikut:
 - 1. Jemputan akan dihantar kepada pemenang untuk menghadiri majlis pemilihan hadiah. Tarikh dan lokasi akan dimaklumkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
 - 2. Pemenang mesti menyediakan dokumen yang diperlukan seperti Nama, Nombor Telefon dan Kad Pengenalan.
 - 3. Sekiranya pemenang tidak dapat menghadiri majlis pemilihan hadiah, pemenang boleh mencalonkan wakil yang ditetapkan dengan dokumen yang diperlukan seperti kebenaran bertulis daripada pemenang berserta salinan kad pengenalan pemenang.
- d) Pemenang dikehendaki mengambil bahagian dalam majlis penyampaian hadiah dan/atau sebarang program publisiti seperti yang dikehendaki oleh Bank. **Sebarang perbelanjaan dan/atau kos yang ditanggung untuk menuntut hadiah akan ditanggung sepenuhnya oleh pemenang**. Sekiranya pemenang tidak dapat menghadiri majlis penyampaian hadiah, pemenang hendaklah mencalonkan seorang wakil untuk hadir majlis penyampaian hadiah tersebut untuk menerima hadiah bagi pihaknya. Jika tidak, pemenang dianggap telah kehilangan hadiah dan Bank berhak memilih pemenang baharu.
- e) Pemenang perlu **membuat tuntutan hadiah dalam tempoh dua puluh satu (21) hari bekerja bermula dari tarikh Pelanggan dihubungi oleh pihak Bank**. Kegagalan untuk berbuat demikian akan menyebabkan pemenang hilang kelayakan untuk menerima hadiah tersebut.
- f) **Hadiah Bulanan dan Hadiah Utama akan diberikan dalam masa tiga (3) bulan selepas pemenang dimaklumkan tentang kemenangan mereka**. Jika stok adalah terhad dan Hadiah Bulanan dan Hadiah Utama tidak boleh dihantar dalam tempoh yang dinyatakan di atas, Bank berhak untuk melanjutkan tempoh penghantaran hadiahnya dan memberitahu pemenang untuk mengambil Hadiah Bulanan dan Hadiah Utama apabila tersedia.
- g) **Hadiah Bulanan dan Hadiah Utama tidak termasuk cukai jalan dan takaful kereta, yang mana akan ditanggung oleh pemenang**. Bank tidak akan bertanggungjawab untuk waranti atau perkhidmatan selepas jualan. Pilihan warna untuk Hadiah Bulanan dan Hadiah Utama adalah tertakluk pada ketersediaan.

- h) Hadiah yang dimenangi oleh pemenang **tidak boleh dipindah milik kepada pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dari segi spesifikasi hadiah** seperti yang telah ditetapkan oleh pihak Bank. Hadiah yang ditawarkan adalah seperti yang telah dimaklumkan kepada Pelanggan. Walau bagaimanapun, pihak Bank berhak untuk mengubah atau menukar hadiah yang ditawarkan kepada produk, model, jenama atau spesifikasi yang lain berdasarkan nilai hadiah yang ditawarkan tertakluk kepada makluman awal yang diberikan kepada pelanggan melalui saluran komunikasi bank seperti laman web.

7. PERUNTUKAN UMUM

- a) Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini serta sebarang keputusan yang dibuat oleh pihak Bank melibatkan Kempen ini.
- b) Pelanggan adalah dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat lanjut seperti di bawah
- Pusat Pelanggan Agrobank 1-300-88-2476.
 - Layari laman sesawang rasmi Bank di www.agrobank.com.my.
 - Kunjungi Cawangan Bank berdekatan.
- c) Sebarang fi dan caj yang terlibat dalam Kempen ini hendaklah bergantung kepada ciri-ciri Produk yang dilanggan oleh Pelanggan. Pelanggan adalah dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai fi dan caj di Cawangan Bank berdekatan.
- d) Segala Terma dan Syarat yang terdapat di dalam Terma dan Syarat ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh pihak Bank berhubung Kempen ini adalah muktamad dan konklusif. Pihak Bank tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat oleh pihak Bank.
- e) Pihak Bank berhak untuk membatalkan, menggantung atau mengubah mana-mana Terma dan Syarat bagi Kempen ini dengan notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum sebarang pembatalan, penggantungan dan perubahan yang dimaksudkan berkuatkuasa. Notis tersebut akan dimaklumkan kepada Pelanggan melalui kaedah dan saluran yang dikenal pasti oleh pihak Bank termasuk tetapi tidak terhad melalui pos, notis di cawangan Bank, melalui transaksi elektronik atau di dalam laman sesawang rasmi Bank di www.agrobank.com.my.
- f) Bagi sebarang pembatalan, penggantungan atau perubahan yang dilakukan oleh pihak Bank, Pelanggan tidak berhak untuk membuat sebarang tuntutan kepada pihak Bank atau menerima sebarang pampasan daripada pihak Bank bagi sebarang kehilangan atau kerugian secara langsung atau tidak langsung yang ditanggung oleh Pelanggan.
- g) Jika terdapat sebarang keraguan yang melibatkan Kempen ini dan juga sebarang bahan pemasaran yang digunakan dalam Kempen ini rujukan utama akan dilakukan kepada Terma Dan Syarat Kempen ini dalam versi Bahasa Melayu.